

# Dr Musa dilantik Timbalan Naib Canselor USIM

**P**ELANTIKAN bekas dekan Fakulti Sains & Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Profesor Dr Musa Ahmad sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkuat kuasa bulan lalu diharap mampu membantu universiti berkenaan memacu kecemerlangan.

Beliau dilantik menggantikan Profesor Datuk Dr Muhamad Muda yang dilantik sebagai Naib Canselor USIM pada 1 Disember 2009 lalu.

Dr Musa berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama) dari UKM, Ijazah Sarjana Instrumental & Analytical Science dan Doktor Falsafah (Optical Chemical Sencor) dari University of Manchester.

Beliau banyak terbabit dalam pelbagai penyelidikan sains dan memenangi beberapa anugerah di peringkat nasional dan antarabangsa. Antaranya pingat emas pada International Invention Geneva pada 2005 dan pingat emas di Ekspo Penyelidikan

dan Inovasi UKM.

Selain itu, dianugerahkan The Royal Society of London & Academy of Science Malaysia Exchange Programme pada 2000 untuk program sebatikal di University of Kent, Canterbury, UK.

Turut aktif dalam pembabitan akademik di organisasi swasta dan awam dalam penggubalan kurikulum untuk Kementerian Pendidikan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia.

Beliau banyak terbabit dalam ceramah berkaitan penyelidikan dalam dan luar negara antaranya di University of Santa Thomas, Manila; University of Indonesia, Jakarta; dan Universitas Sumatera Utara, Indonesia.

Lebih 20 tulisan beliau diterbitkan dalam jurnal antarabangsa.

Kepakaran dimilikinya membuatkan Dr Musa terbabit secara langsung dalam pembangunan kepakaran penyelidikan sensor kimia dan biosensor UKM bermula 1995 hingga 2005.

Kumpulan penyelidik itu sudah menerima pelbagai



**DR MUSA....**mampu memacu kecemerlangan USIM.

anugerah dan penghargaan di peringkat antarabangsa dan nasional selain melakukan penyelidikan termasuk pembinaan sensor kimia untuk penentuan kepedasan cili dan pembinaan biosensor kimia berasaskan teknik sol-gel untuk analisis pestisid.